

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	2 Pasukan mantap siber	Harian Metro
2	Lagi hujan monsun dijangka berlaku hari ini hingga 9 januari	Sinar Harian
3	Hujan monsun dijangka bermula hari ini hingga Jumaat	Utusan Malaysia
4	Hujan sampai Jumaat tiada kesan banjir	Berita Harian
5	Amaran angin kencang	Harian Metro
6	Monsoon to hit east coast today	New Straits Times
7	Musim sejuk bakal landa Malaysia	Kosmo
8	Suhu sejuk luar biasa penghujung Januari	Kosmo
9	Dalami ilmu sains forensik	Harian Metro
10	Hujan monsun dijangka bermula Rabu hingga Jumaat	Bernamea.com

2 pasukan mantap siber

CyberSecurity Malaysia yang bernaung di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang mewujudkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khusus bagi di keselamatan siber.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, kerjasama pengurusan insiden keselamatan siber akan dimantapkan dengan Government Computer Emergency Response Team (GCERT) dan MyCERT (satu daripada jabatan dalam CyberSecurity Malaysia).

"Dalam bidang forensik



digital, CyberSecurity Malaysia akan menyediakan perkhidmatan ini kepada agensi kerajaan bagi kes insiden keselamatan siber yang membabitkan unsur perundangan, sanitasi dan pemulihan data," katanya.

"CyberSecurity Malaysia akan terus proaktif melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan ruang siber negara terpelihara," katanya pada majlis MoU yang mana MAMPU diwakili Datuk Wira Omar Kaseh.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)

Lagi hujan monsun dijangka berlaku hari ini hingga 9 Januari

SHAH ALAM - Satu lagi episod hujan monsun yang membawa hujan berserta angin kencang dijangka berlaku hari ini sehingga Jumaat 9 Januari ini.

Menurut Jabatan Meteorologi, hujan itu akan berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan bahagian Pantai Barat, Kudat, Sandakan serta Tawau, di Sabah.

"Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah.

"Sehubungan itu penduduk yang terdedah kepada risiko banjir dinasihatkan sentiasa mengikuti perkembangan cuaca terkini," menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, semalam.

Kenyataan itu turut menyebut amaran angin kencang dan laut bergelora yang telah dikeluarkan pada 4 Januari akan berterusan sehingga 9 Januari.

"Keadaan ini akan menyebabkan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam dengan ombak mencapai

ketinggian sehingga 3.5 meter. Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut jabatan itu.

Orang ramai dinasihatkan mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline 1-300-22-1638, laman web jabatan www.met.gov.my dan laman sosial MetMalaysia di Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau Twitter <https://twitter.com/malaysiamet>.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 7 JANUARI 2015 (RABU)

Hujan monsun dijangka bermula hari ini hingga Jumaat

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Satu lagi episod hujan monsun yang akan menyaksikan hujan berserta angin kencang dijangka berlaku bermula Rabu (7 Januari) hingga Jumaat (9 Januari) ini di beberapa negeri yang dilanda banjir sebelum ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan hari ini berkata, negeri yang terlibat ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan beberapa bahagian di Sabah iaitu di Pantai Barat, Kudat, Sandakan dan Tawau.

Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah, menurut jabatan itu.

Justeru MetMalaysia mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir supaya sentiasa mengi-

kuti perkembangan cuaca terkini.

Amaran angin kencang dan laut bergelora iaitu angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang dikeluarkan 4 Januari lepas juga akan berterusan sehingga Jumaat (9 Januari) ini.

Dalam tempoh itu juga orang ramai diinasihatkan supaya tidak menjalankan sebarang aktiviti rekreasi atau sukan laut berikutan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini cuaca melalui talian hotline MetMalaysia di 1-300-22-1638, laman web www.met.gov.my atau laman sosial Facebook dan Twitter MetMalaysia. - BERNAMA

Hujan sampai Jumaat tiada kesan banjir

Kuala Lumpur: Hujan monsun berserta angin kencang dijangka melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Sabah mulai malam ini, tetapi tidak mengakibatkan banjir.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata hujan monsun renyai-renyai dan sederhana itu diramal berterusan sehingga Jumaat.

Beliau berkata, luruan angin sejuk dari Tanah Besar China mula bergerak malam tadi dijangka menghampiri persisiran Semenanjung yang turut melanda Sandakan, Kudat dan Pantai Barat dan Tawau.

Sentiasa pantau perkembangan

Beliau berkata, hujan monsun kali ini tidak sebanyak seperti episod sebelum ini, namun pihaknya sentiasa memantau sebarang perkembangan terkini fenomena cuaca.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi dalam kenyataannya memberi amaran angin kencang dan laut bergelora dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam di perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ombak dijangka mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil, sukan dan rekreasi laut.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)

Kuala Lumpur

Amaran angin kencang

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (KM/J) di sekitar perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Kuching dan Labuan dijangka berterusan sehingga Jumaat.

Menurut kenyataan dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) jam 12.48 tengahari semalam, laut dijangka bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

"Keadaan angin dan laut ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap

ikan serta perkhidmatan feri," katanya.

Dalam perkembangan serupa, JMM turut mengingatkan penduduk di kawasan perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan supaya mengelak daripada sebarang aktiviti rekreasi laut dan bot kecil.

Ia berikutan jangkaan angin kencang Timur Laut berkelajuan 40 hingga 50 KM/J dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan terbabit sehingga lusa.

Monsoon to hit east coast today

CAUTION: Strong winds and rainfall to continue until Friday, says MetMalaysia

DAWN CHAN
AND NOEL ACHARIAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE monsoon surge which started last night is expected to hit the east coast after 7pm today.

National Weather Centre senior meteorologist Mohamad Hisham Mohamad Anip said coastal areas from Kelantan to Johor would be affected by strong winds and rainfall.

The centre is a division under the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

"We expect rainfall tonight. It will continue until Friday.

"We also expect rainfall over the coastal areas of Sabah tomorrow and Friday," he told the *New Straits Times* yesterday.

Hisham said while it was difficult to estimate the amount of rainfall, the skies at the affected areas would be cloudy with a mix of light and moderate rainfall.

"That is the weather pattern for the east coast. As for the west coast, we expect scattered thunderstorms over Perak heading towards Selangor and Malacca."

He said the department had issued an advisory on its website on the monsoon surge.

"Once the monsoon surge arrives, our meteorologists will update the information on the website and keep the public informed."

On public safety, Hisham said those affected should give their full cooperation to the authorities.

"We expect strong winds and rough seas, so activities there should be avoided. People should also prepare for evacuation if necessary."

The department is working with the National Security Council (NSC) to provide information on weather patterns during the period.

Meanwhile, MetMalaysia issued a widespread thunderstorm warning over Selangor, Negri Sembilan and western Johor.


Strong winds and rough seas, with winds of between 40 and 50kph and waves up to 3.5m,

were expected over waters off Pahang, eastern Johor, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah (interior, west coast and Kudat) and Labuan until tomorrow, it said on its website.

A shipping warning was also issued, with strong northeasters of 50 to 60kph and waves up to 4.5m over the waters off Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Samui, Tioman, Bunguran, Reef South and Labuan.

In **Johor Baru**, the authorities have urged people to cooperate if evacuation orders were issued in the event of a flood.

Johor police chief Datuk Mokhtar Shariff urged those affected to heed the orders. **Additional reporting by Ben Tan, Elvina Fernandez**



KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)

Fenomena sama pernah berlaku apabila Kuala Krai rekodkan suhu 17.2 darjah Celsius

Musim sejuk bakal landa Malaysia

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
 khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Rakyat Malaysia perlu bersedia menghadapi fenomena cuaca sejuk luar biasa dalam tempoh terdekat seperti yang berlaku di negara ini pada Januari tahun lalu.



SHAHARUDDIN



MOHD. HISHAM

Fenomena itu akan dialami oleh penduduk di negeri-negeri Pantai Timur yang baru sahaja menghadapi bencana banjir terburuk dalam sejarah negara pada Disember tahun lalu.

Pakar Geografi dan Kajian Iklim Bandar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Shaharuddin Ahmad berkata, fenomena itu bakal melanda negara ini disebabkan dunia berdepan dengan perubahan cuaca secara menyeluruh.

"Ketika ini cuaca sejuk melampau berlaku di Siberia, Rusia. Tiupan udara bertekanan udara tinggi dari Siberia itu bergerak ke China dan akan membawa cuaca sejuk memasuki Laut China Selatan sebelum bergerak ke negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia sepanjang musim Monsun Timur Laut.

"Justeru, adalah tidak mustahil fenomena cuaca sejuk ini bakal melanda negara sekali lagi dalam jangka waktu tertentu sebelum musim monsun itu berakhir pada Mac nanti," ujar Shaharuddin ketika dihubungi Kosmo! bagi mengulas mengenai fenomena cuaca sejuk yang



CUACA sejuk bakal melanda Malaysia dalam tempoh terdekat sehingga menyebabkan penduduk terpaksa memakai baju sejuk di Kampung Keroh, Kuala Krai pada 25 Januari tahun lalu. - Gambar hiasan



KERATAN Kosmo! 25 Januari 2014.

bakal melanda Malaysia. Pada 22 Januari tahun lalu, portal rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan Kuala Krai, Kelantan mencatat suhu kedua paling rendah iaitu 17.2 darjah Celsius selepas Cameron Highlands yang merekodkan suhu 12 darjah Celsius.

Situasi itu menyebabkan penduduk terpaksa memakai tiga lapis baju bagi menahan sejuk manakala sebahagian penduduk di Taman Tasik Kuala Krai dan Taman Cinta Wangsa melakukan aktiviti riadah lebih lewat daripada kebiasaan berikutan kabus tebal yang menyelubungi kawasan tersebut.

Fenomena itu turut melanda beberapa negeri termasuk Perak, Kedah, Kuala Lumpur, Selan-

gor, Pahang dan Sarawak.

Keadaan cuaca sejuk ini berlarutan sepanjang bulan Februari sebelum suhu kembali seperti asal sekitar 32 darjah Celsius selepas berakhirnya musim Monsun Timur Laut pada bulan Mac.

Ketika itu, suhu sejuk itu berpunca daripada luruan udara sejuk dari Tanah Besar China yang bergerak ke Laut China Selatan dan keadaan itu biasa terjadi ketika Monsun Timur Laut.

Shaharuddin memberitahu,



PENDUDUK di Kuala Krai, Kelantan juga berdepan dengan bencana banjir pada 25 Disember tahun lalu.

penduduk di negeri-negeri di Pantai Timur khususnya perlu bersedia untuk menghadapi fenomena sejuk luar biasa ini terutamanya golongan yang kerap mengalami masalah kesihatan.

"Golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mengalami masalah kesihatan seperti semput perlu diberi perhatian bagi menghadapi situasi itu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca

INFO Suhu dunia ketika musim bunga (Mac-Mei 2015)

Bandar Raya	Suhu dalam darjah Celsius
New York, Amerika Syarikat	11
Rom, Itali	5.8
London, United Kingdom	3.8
Madrid, Sepanyol	10

Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, gelombang sejuk Artik akan menyebabkan berlakunya cuaca sejuk melampau termasuk ribut salji di negara rantau Amerika Utara dan Eropah.

"Namun, jangkaan berhubung bila fenomena sejuk ini akan melanda negara ini masih dalam pemantauan kerana ia melibatkan analisis data antarabangsa," jelas Mohd. Hisham.




ARAH tiupan angin yang bergerak dari China menyebabkan Malaysia bakal dilanda cuaca sejuk dalam tempoh terdekat.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (ISU) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)



Kebiasaannya polar jetstream yang berada tiga batu dari permukaan bumi bergerak pantas dan lurus. Tetapi akhir-akhir ini pergerakannya adalah perlahan dan beralun, menyebabkan perubahan cuaca yang ganjil.



PERUBAHAN aliran polar jetstream.

Suhu Minimum bagi Stesen Meteorologi Malaysia 23 Januari 2014

Stesen ID	Stesen	Minimum (°C)
48603	ALOR SETAR	21.6
48642	BATU EMBUN	19.0
48670	BATU PAHAT	20.6
48601	BAYAN LEPAS	24.2
96441	BINTULU	22.1
48602	BUTTERWORTH	21.8
48632	CAMERON H.	12.0
48604	CHUPING	22.3
48617	GONG KEDAK	19.4
48625	IPOH	21.9
96420	KAPIT	22.6
96467	KENINGAU	21.3
48672	KLUANG	22.4
48615	KOTA BHARU	20.2
96471	KOTA KINABALU	22.6
48616	K. KRAI	17.2
48618	K. TERENGGANU	20.9
48657	KUANTAN	21.1
96413	KUCHING	22.5

REKOD suhu minimum yang dicatatkan di beberapa kawasan di Malaysia tahun lalu.



Pendidikan & Latihan



BIDANG forensik memerlukan ketelitian dalam menjalankan siasatan sama ada di makmal atau di tempat kejadian.

Dalami ilmu sains forensik

■ MSU latih graduan dalam bidang penyiasatan secara amali dan praktikal

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Dalam drama penyiasatan bersiri terkenal di seluruh dunia, 'Crime Scene Investigation', siasatan dilakukan pihak berkuasa semuanya berjalan lancar dan nampak 'se-nang'.

Namun, ia sekadar drama yang ada skrip sedangkan realitinya tidak semudah itu.

Pasukan forensik perlu mengambil masa dan ketelitian dengan mengambil kira pelbagai aspek dalam menjalankan siasatan di tempat kejadian.

Pakar forensik bukan saja perlu memiliki disiplin tinggi kerja berpasukan, tetapi mempunyai ketahanan mental dan fizikal serta sanggup memenuhi tuntutan masa bekerja yang tidak menentu.

Kini, sains forensik tempatan terus maju dan sentiasa diutamakan sebagai kaedah saintifik dalam penyiasatan kes jenayah serta menegakkan keadilan dalam kes pendakwaan.

Perkembangan positif ini meningkatkan keperluan pakar forensik dalam pelbagai sektor awam dan swasta termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Kimia Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Selain menjadi pegawai forensik, graduan bidang itu boleh berkhidmat sebagai pakar linguistik forensik. Antara peranan pakar linguistik forensik adalah mengkaji dan menganalisis maklumat bertulis, lisan dan dokumentasi yang direkodkan pelaku jenayah di tempat kejadian atau ketika sesi soal siasat.

Bagi memenuhi tuntutan modal insan bidang itu, graduan bidang sains forensik dilatih berpengetahuan luas dalam bidang penyiasatan menerusi pembelajaran dan latihan yang diterima di universiti mahupun ketika sesi praktikal.

Pembelajaran yang diterima merangkumi segala asas bidang forensik iaitu bukan saja berkaitan cara penyiasatan kejadian jenayah, tetapi psikologi, kriminologi atau kajian perlakuan penjenayah, perubahan forensik, kimia analitik, kriminalistik, balistik, asid deoksiribonukleik (DNA), serologi dan sistem pengendalian jenayah.

Bagi pelajar yang berminat mengikutinya, asas kukuh

bidang kimia dan biologi adalah satu kemestian, selain Matematik, Matematik Tambahan dan bahasa Inggeris.

Management & Science University (MSU) antara universiti terbaik di Malaysia yang menawarkan program sains forensik peringkat ijazah sarjana muda selama empat tahun bagi mereka yang berminat mendalami bidang itu.

Dengan kelayakan asas Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), matrikulasi atau diploma diiktiraf, pelajar yang berminat boleh mengikuti program terbabit.

Selama tempoh pengajian, mereka didedahkan dengan suasana pembelajaran secara amali dan teori bagi membantu mengaplikasi ilmu dengan lebih berkesan.

Dengan kemudahan prasarana lengkap, pelajar bukan saja belajar dalam suasana kondusif, tetapi merasai suasana sebenar dunia kerjaya dengan kerjasama industri.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di Jabatan Kaunseling dan Komunikasi di talian 03-5521 6868, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dengan menaip MSUINFO-jarak nama-jarak dan e-mel kepada 019-3419152 dan 016-356-8251/012-249 6551 atau layari www.msu.edu.my

FAKTA
Pakar forensik mendapat permintaan tinggi dalam sektor awam dan swasta



Hujan Monsun Dijangka Bermula Rabu Hingga Jumaat Ini

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Satu lagi episod hujan monsun yang akan menyaksikan hujan dan angin kencang dijangka berlaku bermula Rabu (7 Jan) hingga Jumaat (9 Jan) ini di beberapa negeri yang dilanda banjir sebelum ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan Selasa, berkata negeri yang terlibat ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan beberapa bahagian di Sabah iaitu di Pantai Barat, Kudat, Sandakan dan Tawau.

Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah, menurut jabatan itu.

Justeru MetMalaysia mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir supaya sentiasa mengikuti perkembangan cuaca terkini.

Amaran angin kencang dan laut bergelora iaitu angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang dikeluarkan 4 Jan lepas juga akan berterusan sehingga Jumaat (9 Jan) ini.

Dalam tempoh itu orang ramai diinaskan supaya tidak menjalankan sebarang aktiviti rekreasi atau sukan laut berikutan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini cuaca melalui talian hotline MetMalaysia di 1-300-22-1638, laman web www.met.gov.my atau laman sosial Facebook dan Twitter MetMalaysia.

--BERNAMA